



LEMBAGA
LEBUHRAYA
MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Rujukan Fail: Bil (72)dlm.LLM/SM/1-49/1 Jld. 4

1) PENOLONG JURUTERA AWAM (GRED JA29)

1. (a) Jawatan : Penolong Jurutera (Awam)
(Gred JA29)
 - (b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)
 - (c) Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana
 - (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan
2. Jadual Gaji Minimum - Maksimum: RM 1,549.00 – RM 5,701.00
 3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) i) Sijil dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau

- ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).

- d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Bertanggungjawab mengendalikan perancangan dan pelaksanaan projek bagi skop kerja kejuruteraan awam iaitu membantu menyediakan isi kandungan perjanjian konsesi dan teknikal apendiks lebuh raya baharu, menyediakan draf laporan *outcome* lebuh raya yang telah beroperasi, mengumpul maklumat untuk penyediaan reka bentuk, menyedia dan menyemak lukisan kejuruteraan, merekod inventori, mengawas tapak projek, menyelia pelaksanaan kerja pembinaan di tapak projek, menyediakan laporan kemajuan projek, membantu penyediaan sebut harga dan tender, membantu mengemaskini data ke dalam Sistem Pengurusan Aset Lebuh raya, membantu memproses permohonan Pembangunan Tepi Lebuhraya (PTL) mendraf surat/memo berkaitan serta menjalankan tugas-tugas lain.

2) PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N19

1. (a) Jawatan : Pembantu Tadbir
(Perkeranian/ Operasi) (Gred N19)

(b) Badan Berkanun : Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

(c) Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana

(d) Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran Dan Sokongan

2. Jadual Gaji Minimum - Maksimum: RM 1,352.00 – RM 4,003.00

3. Syarat Lantikan :

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

a) Warganegara Malaysia;

b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

c) i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau

- ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau

- iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80).

- d) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Kontrak

5. Fungsi Bidang Tugas :

Menjalankan tugas-tugas perkeranian selaras dengan fungsi tugas Jabatan/Bahagian yang berkenaan seperti tugas-tugas penyelenggaraan fail/dokumen, pengiraan, penyediaan laporan bulanan dan statistik.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara *on-line* melalui laman sesawang Lembaga Lebuhraya Malaysia di alamat <http://ejawatan.ilm.gov.my> mulai **14 September 2017 (Khamis)** hingga **27 September 2017 (Rabu)**.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan adalah pada **28 September 2017 (Khamis)**.

PERMOHONAN DITOLAK

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- i) Tidak lengkap;
- ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
- iii) Permohonan diterima pada atau selepas tarikh tutup permohonan.

CATATAN AM

1. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
2. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
3. Segala perbelanjaan untuk menghadiri temuduga tidak ditanggung oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.